

06/10/2002

Malaysia hantar bantahan Baitulmaqdis ibu kota Israel

PUTRAJAYA: Malaysia akan mengemukakan bantahan rasmi kepada Amerika Syarikat yang mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu kota Israel, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sambil menyatakan rasa kesal dengan tindakan Amerika itu, beliau berkata, usul mengenai bantahan rakyat negara ini berhubung perkara itu akan dibentangkan di Dewan Rakyat, esok.

"Walaupun usul itu akan dibawa oleh sebuah parti pembangkang, kerajaan bersedia membahaskannya jika ia diluluskan oleh Dewan Rakyat untuk perbahasan.

"Kita akan memberi sokongan kepadanya (usul yang dikemukakan). Tindakan ini (mengemukakan bantahan terhadap Amerika) bukan tindakan berasaskan kepada parti... ia adalah suara nurani rakyat Malaysia yang berasa tidak senang dengan tindakan yang diambil," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian Larian Kemanusiaan Rakyat Palestin anjuran Yayasan Belia Malaysia (YBM) di Dataran Putra di sini, semalam.

Lebih 3,000 peserta mengambil bahagian dalam acara itu yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Program itu adalah salah satu acara sokongan bagi membantu kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin.

Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Hussein; Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim dan Duta Palestin di Malaysia, Ahmad Al-Farra.

Presiden Amerika Syarikat, George W Bush baru-baru ini menandatangani rang undang-undang yang mengesahkan pentadbirannya mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Rang undang-undang dikenali sebagai Akta Kelulusan Hubungan Luar 2003 itu membolehkan pentadbiran Bush menerima AS\$4 bilion (RM15.2 bilion) daripada Kongres untuk mengendali operasi Jabatan Negara.

Walaupun Bush mengeluarkan kenyataan menafikan perubahan status Baitulmaqdis, langkah terbarunya itu nyata tidak mengambil kira kemungkinan ia mencetuskan kemarahan negara Arab dan Islam.

Agensi berita melaporkan, rang undang-undang itu memberi takrifan lebih meluas mengenai status kota suci tiga agama - Islam, Kristian dan Yahudi itu. Kongres Amerika sudah lama mendesak pemimpin negara itu sebelum ini berhubung pemindahan kedutaan Amerika dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis.

Mengulas lebih lanjut, Syed Hamid berkata, Amerika sepatutnya mengambil kira sensitiviti rakyat Palestin dan umat Islam keseluruhannya sebelum membuat keputusan seumpama itu.